

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2015/2016

NAMA KURSUS : PENGENALAN SAINS ALAM
SEKITAR

KOD KURSUS : BBR 36803

KOD PROGRAM : BBR

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN/JULAI 2016

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

SULIT

BBR 36803

- S1**

(a) Takrifkan istilah berikut;
(i) Alam Sekitar
(ii) Sains Persekutaran

(4 markah)

(b) Senaraikan enam (6) isu persekitaran yang dihadapi dunia pada masa kini. Terangkan dengan ringkas dua (2) daripada isu berkenaan.

(9 markah)

(c) Bandingkan penunjuk kualiti hidup di antara negara kaya dan negara miskin.

(6 markah)

(d) Kepadatan populasi haiwan karnivor bersaiz besar biasanya kurang berbanding haiwan herbivor di dalam ekosistem yang sama. Terangkan dengan ringkas keadaan ini dan kaitkan dengan konsep piramid ekologi.

(6 markah)

S2

(a) Persaingan inter-spesifik dan intra-spesifik di antara spesis untuk mendapatkan kuantiti sumber yang terhad di dalam ekosistem sentiasa wujud. Terangkan dengan ringkas bagaimana setiap spesis menghadapi kedua-dua jenis persaingan ini.

(5 markah)

(b) Nyatakan tiga (3) faktor dalaman dan tiga (3) faktor luaran pertumbuhan populasi dalam satu ekosistem.

(6 markah)

(c) Takrifkan istilah-istilah berikut;
(i) Kadar kelahiran kasar
(ii) Kadar jumlah kesuburan
(iii) Kadar kematian kasar
(iv) Pertumbuhan populasi kosong

(8 markah)

(d) Populasi sebuah bandar yang direkodkan pada tahun 1993 dan 2010 masing-masing adalah 240,000 orang dan 270,000 orang. Anggarkan populasi penduduk di bandar tersebut pada tahun 2020 dengan menggunakan kaedah Kadar Pertumbuhan Aritmetik, Kadar Pertumbuhan Geometrik dan Kadar Pertumbuhan Penyusutan. Andaikan populasi tepu ialah 370,000 orang.

(6 markah)

S3

(a) Takrifkan;
(i) Keselamatan makanan
(ii) Kesan rumah hijau

(5 markah)

(b) Terangkan dengan ringkas empat (4) kesan pencemaran udara terhadap kesihatan ekosistem dan manusia.

(8 markah)

(c) Terangkan dengan ringkas tiga (3) jenis batuan utama. (6 markah)

(d) Terangkan dengan ringkas tiga (3) kebaikan dan tiga (3) keburukan tenaga angin. (6 markah)

S4 (a) Terangkan istilah-istilah berikut secara ringkas;

- (i) Sisa pepejal
- (ii) Sisa berbahaya

(5 markah)

(b) Terangkan dengan ringkas tiga (3) kebaikan dan tiga (3) keburukan kitar semula. (6 markah)

(c) Terangkan dengan ringkas perbezaan di antara Tenaga Boleh Diperbaharui dan Tidak Boleh Diperbaharui. (8 markah)

(d) Senaraikan dua (2) tujuan dan empat (4) hasil Pendidikan Alam Sekitar terhadap pelajar sekolah. (6 markah)